


[Home](#)
[Kisah Tentang Aku](#)
[Sedikit tentang Wangsa Maju](#)
[Jalan ke Wangsa Maju](#)

SUNDAY, SEPTEMBER 23, 2018

Gonggang: Nama yang hilang di Setiawangsa

Bila disebut tentang Gonggang, pasti ramai yang tercengang dan tertanya-tanya apakah maksud perkataan itu. Jika disemak pada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka sekalipun, perkataan gonggang ini tidak dijumpai dan bermaksud perkataan ini bukanlah datang daripada Bahasa Melayu. Tetapi apakah signifikan perkataan Gonggang ini dengan kaitannya Wangsa Maju ini?

Gonggang merupakan salah satu daripada mukim di Kuala Lumpur yang mula wujud seawal Kuala Lumpur dibuka oleh Raja Abdullah pada awal abad ke 19. Lokasi Gonggang ini dipercayai terletak di sekitar Jalan Ampang sehingga ke sempadan Ulu Kelang dan kini merangkumi kawasan sekitar Jelatek, Setiawangsa dan Wangsa Maju. Jika diselusuri sejarah, nama Gonggang dipercayai berasal daripada nama pokok sagu yang dikenali sebagai pokok Gonggang. Jika merujuk kepada buku Celia Lowe bertajuk

Wild Profusion: Biodiversity Conservation in an Indonesian Archipelago, pokok ini banyak dijumpai di Indonesia dan tidak mustahil banyak dijumpai di sekitar kawasan pinggir Kuala Lumpur pada masa dahulu dan menyebabkan kawasan itu dinamakan sebagai Gonggang. Selain itu, nama Gonggang juga boleh dikaitkan dengan satu suku kaum melayu di sekitar Kepulauan Riau di Indonesia. Terdapat kemungkinan suku kaum ini berhijrah ke Kuala Lumpur dan memberi nama kawasan tersebut sebagai Gonggang sebagai tanda kawasan suku kaum mereka itu.

Nama Gonggang dipercayai telah disebut seawal tempoh ketika berlakunya Perang Saudara Selangor atau Perang Klang yang meletus pada 1867 – 1874. Pada waktu itu, lokasi yang disebut sebagai Gonggang ini digunakan sebagai laluan ke Kuala Lumpur untuk menyerang dan berundur ke Pahang dan Kuala Kubu di Ulu Selangor oleh tentera yang menyokong Raja Mahadi. Berdasarkan semakan sejarah, antara lokasi yang menggunakan nama Gonggang adalah berikut:

1. Kawasan Perkuburan Kg Gonggang (Kini dikenali Tanah Perkuburan Jalan Ampang yang terletak di sebelah KLCC)
2. Kg Gonggang (Kini dikenali sebagai Kg Datok Keramat, Kuala Lumpur)
3. Ladang Getah Gonggang Estate (Kini telah dibangunkan dan dikenali sebagai Setiawangsa)

SAYANGI KUALA LUMPUR



CATEGORY

[Kuala Lumpur \(2\)](#)
[River of Life \(1\)](#)
[Street Art \(1\)](#)
[Sungai Bunus \(1\)](#)
[Vibrant city \(1\)](#)

ABOUT ME


Budak Wangsa Maju

Outdoor lover and Malaysian Explorer

[View my complete profile](#)

BLOG ARCHIVE


[▶ 2022 \(3\)](#)
[▶ 2021 \(1\)](#)
[▶ 2019 \(1\)](#)
[▼ 2018 \(8\)](#)
[▼ September \(2\)](#)

Gonggang: Nama yang hilang di Setiawangsa

SEJARAH WANGSA MAJU: KENANGAN PEJABAT POS SETAPAK

[▶ August \(1\)](#)
[▶ May \(3\)](#)

POPULAR POSTS




Sejarah Wangsa Maju: The

 Battle of Bukit Dinding, The Forgotten War of Perang Kelang
 Ketika aku sedang menelaah tentang sejarah Perang Saudara Selangor atau lebih dikenali sebagai Perang Kelang, aku telah terbaca satu artik...


Ladang Hawt

Ladang getah ke



- ▶ April (2)
- ▶ 2016 (6)
- ▶ 2011 (19)

Bandar Moden Wangsa Maju
 Bagi generasi kini, pasti ramai yang tidak pernah mendengar tentang ladang Hawthornden dan mungkin jika ditanya, ramai yang akan menganggap...



Kem Wardieburn Kepong

Wangsa Maju
 Pandangan Kem Wardieburn daripada Google StreetView. Tak boleh ambil gambar nanti kena tangkap Kem Wardieburn merupakan salah ...



Sejarah Wangsa Maju: Setapak

Mukim Setapak merupakan antara daerah terawal yang dibuka di Kuala Lumpur. Namun begitu, sejarah Mukim Setapak ini agak kelam berikutan t...



Akademi TV3 dalam kenangan

Bangunan Zetro yang dahulunya dikenali sebagai Akademi TV3. Menjadi mercu tanda bagi sesiapa yang memasuki kawasan Seksyen 5, Wang...



SEJARAH WAN GSA MAJU:

KENANGAN PEJABAT POS SETAPAK
 Pada zaman dahulu, pejabat pos merupakan perkhidmatan utama yang sangat penting bagi orang awam untuk sebarang urusan. Jika kita melihat f...

Keratan peta topografi Kuala Lumpur yang menunjukkan lokasi Gonggang Estate yang berhampiran dengan Hawthornden Estate.

SEKITAR TAHUN 1960 - 1980 AN

ESTET DAN LADANG GETAH


Sebahagian kawasan Kuala Lumpur yang tidak di lombong terdapat estet, ladang getah yang awalnya dimiliki oleh British.

Syarikat yang menguruskan estet getah yang besar seperti:

- Bukit Kiara (Bukit Kiara Estate Ltd dan Ng & Son Plantation Estate)
- Bukit Manjara dan Taman Maluri, Perdana Parkcity (Erendibung Estate)
- Kawasan Persekitaran **Wangsa Maju dan Tanah Sri Wangsa**
 - **Wardieburn, Ulu Klang, Gonggang Estate, Hawthornden Estate**
 - Sektor Bukit Jalil (Bukit Jalil Estate)
 - Bangsar dan Kompleks Kerajaan Jalan Duta (Bunga Estate dan Semantan Estate)

Laporan pembangunan Pejabat Tanah dan Galian Kuala Lumpur (PTGKL) yang menunjukkan perubahan nama Gonggang Estate kepada Setiawangsa.

Sehingga kini, para sejarawan masih berdebat dan sedang menjejak lokasi kg Gonggang di mana terletaknya makam Raja Laut iaitu Kerabat Diraja Selangor yang menjadi Penghulu dan Majistret di Kuala Lumpur. Walaupun dipercayai beliau dikuburkan di Tanah Perkuburan Jalan Ampang, para sejarawan mempercayai bahawa terdapat kawasan perkuburan Diraja terletak di sekitar Gonggang di mana para kerabat Diraja dan raja-raja kerajaan lama terdahulu dimakamkan. (sebelum Kesultanan Selangor bermula). Namun disebabkan oleh pembangunan pesat di Kuala Lumpur, lokasi makam tersebut mungkin sudah ditelan pembangunan ataupun telah dipindahkan ke lokasi lain yang tidak diketahui.



Raja Laut sebagai Penghulu dan Majistret Pertama Kuala Lumpur. Nama beliau diabadikan pada sebatang jalan yang sangat popular di Kuala Lumpur iaitu Jalan Raja Laut. (sumber daripada <https://wangsamahkota.files.wordpress.com/2012/11/raja-muda-laut-raja-muda-selangor.jpg>)

Nama Gonggang kali terakhir digunakan pada tahun 1980an apabila pihak kerajaan melalui syarikat pemaju I&P mula untuk memajukan kawasan yang dikenali sebagai Gonggang Estate atau Ladang Gonggang. Ladang Getah yang dimiliki oleh Loke Yew ini telah mendapat kebenaran daripada kerajaan dan pemilik syarikat perladangan tersebut untuk ditebus dan dibangunkan sebagai kawasan komersial dan perumahan sebagai langkah untuk memajukan Kuala Lumpur. Kampung-kampung kecil yang berada di Ladang Gonggang ini dipindahhkan ke Perumahan Kos Rendah yang terletak di Keramat dan nama Gonggang Estate telah ditukar kepada Setiawangsa selepas ia dibangunkan. Sejak daripada itu, nama Gonggang ini akhirnya hilang di dalam lipatan sejarah buat selama-lamanya. Nama Kg Gonggang juga kini telah hilang dan diganti dengan Kg Datok Keramat dan tiada lagi nama Gonggang disebut kecuali di dalam Sejarah Kuala Lumpur. Adalah dipercayai nama Jalan Enggang yang terletak di persimpangan Jelatek / Keramat adalah berasal daripada nama Gonggang dan ditukar oleh pemaju atas sebab yang tidak diketahui. Walaupun nama Gonggang ini telah terkubur, namun begitu sejarah nama Gonggang masih terpahat di dalam dokumen lama Kuala Lumpur dan menjadi sebahagian daripada sejarah Wangsa Maju yang menjadi salah satu daripada daerah yang termaju di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Posted by [Budak Wangsa Maju](#) at [8:38 AM](#)



1 comment:



[nadge](#) February 11, 2021 at 11:35 PM

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih untuk tulisan tajuk gonggang ini. Izinkan ditambah sedikit maklumat. Menurut penulis British, Shellabear juga merakamkan yang 'gonggang' bermaksud mengorek/membuat terowong (to drive in galleries/tunnels) yakni satu lagi cara yg orang Melayu dulu2 melombong bijih timah, selain cara melampas dan melereh. Benar, terdapat kisah juga di mana cara gonggang digunakan untuk membuat terowong dari Bukit Nanas semasa Perang Kelang / Perang Saudara Selangor dari 1867 dulu. Perkara seperti ini dibincang juga dalam buku berjudul Tarikh Raja Asal yg diterbitkan oleh Areca Books. Terima kasih.

[Reply](#)



Enter Comment

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)


Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)



[Sejarah di Wangsa Maju :](#)

[Masjid Jami'ul Ihsan Setapak](#)

Bersusah payah aku melintas highway semata-mata nak amik gambar ni.haha.. Sebenarnya aku dah beribu-ribu kali aku melintas depan masjid ni...



[Gonggang: Nama yang hilang](#)


[g di Setiawangsa](#)

Bila disebut tentang Gonggang, pasti ramai yang tercengang dan tertanya-tanya apakah maksud perkataan itu. Jika disemak pada kamus Dewan B...



[Jalan Genting Klang, Setapak](#)

Jalan Genting Klang, Setapak. Di dalam post ini, aku nak cerita sikit pasal Jalan Genting Klang dekat Setapak, KL ni. Jalan ni takde la fam...



[Sungai Bunus Trail, Wangsa Maju, Kuala Lumpur](#)

Sungai Bunus merupakan antara salah satu daripada nama yang agak terkenal di Kuala Lumpur. Bagi yang biasa ke Masjid Jamek, pasti mereka pe...

FOLLOWERS

Followers (1)



[Follow](#)

